No. Daftar : 005-2019/001
Tarikh : 07.05.2019 (Selasa)
Jenis Akhbar : The Star
Jenis Artikel : Info MBIP
Tajuk Artikel : 'Don't trade in factory area'

'Don't trade in factory area'

Traders at Taman Teknologi Industrial Park, Senai, told to move or risk facing further action from city council

By REMAR NORDIN
metro@thestar.com.my

JOHOR BARU: Iskandar Puteri City Council (MBIP) will not issue trading licences to traders operating in any industrial area due to safety concerns.

The ban was in response to the complaints from factory owners on the presence of hawkers disrupting their operations in Taman Teknologi Industrial Park in Senai.

MBIP councillor Mohd Hatta Kasrah said some traders were selling goods in front of factory gates and blocking the passage of heavy vehicles in the area.

"Jalan Teknologi 5 is the main thoroughfare in the industrial area and is used by many heavy vehicles. These traders conduct their business during peak hours, at a time when factory workers are starting or leaving work, resulting in severe congestion and increasing the possibility of accidents.

"This is the risk these traders should also consider, and that is why MBIP will not grant them the licence to operate," he said at a press conference at the PKR Taman Impian Emas branch office.

He added that MBIP had also received a lot of complaints from factory owners regarding the traders in their area.

"MBIP will only take action if there are any reports, and at the same time, we also want to give traders a chance to move away from the area.

"But since there has been an increase in reports, we are taking action according to the law and we hope traders can understand the city council's position," he added.

Meanwhile, another MBIP councillor Choong Thong Yuen said that the city council would first need to conduct a thorough investigation on the matter before looking into the traders' plight.

"We have received a suggestion from Johor Indian Business Association (Jiba) to relocate the traders to a nearby location and we plan to look into this.

"We are not that inhuman to simply chase traders away or deprive them of their livelihood as we understand their situation but for now, we need some time to find a solution," he said.

Meanwhile, Jiba president P. Sivakumar said no licences had been issued by the city council to traders since January 2016.

"The city council also claimed it received complaints about the traders dirtying the area and selling alcohol, resulting in drunken brawls among workers in there.

"If that is so, the city council should take action against the culprits involved, and not against innocent people trying to make a living there," he said.

StarMetro previously reported that some 16 traders in Taman Teknologi Industrial Park were facing problems following persistent enforcement measures by MBIP officers.

The traders affected sold various items such as meat, fruits, clothes, sundry goods, food and footwear from their vehicles.

No. Daftar	:	00-2019/002
Tarikh	:	08.05.2019 (Rabu)
Jenis Akhbar	:	The Star
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	Ensure food safe to consume, traders told

Salam Ramadan
SELAMAT BERPUASA

Ensure food safe to consume, traders told

Amran: Stall operators at Ramadan bazaars who flout rules will be fined

By REMAR NORDIN
newsdesk@thestar.com.my

JOHOR BARU: Johor Baru City Council (MBJB) has reminded traders at Ramadan bazaars to ensure food and drinks sold are clean and safe to consume.

Its mayor Datuk Amran A. Rahman said they must be hygienic and prevent food poisoning cases.

He said the council, through its enforcement department, will monitor the traders throughout the period.

"Traders can only trade in the allocated place and will be fined if they fail to clean up after business hours.

"MBJB will also consider forfeiting deposits of traders who do not clear up after business hours," he said after a full council meeting at MBJB here.

"Also, do not leave your cooking equipment behind. Take them back and make sure they are kept clean too," he said.

"We do not want pictures showing dogs peeing on the equipment going viral on social media, like what happened four years ago.

He said action will be taken against traders if they failed to comply with the Food Act 1983, Food Hygiene Regulations 2009 and the by-laws adopted by MBJB.

Amran said 40 organisers were involved in this year's bazaars, comprising Johor Bahru City Foundation, associations as well as private groups operating bazaars on private land and in shopping complexes.

Amran (middle) speaking after a full council meeting at MBJB.

"MBJB through the Health and Licensing Committee has approved Ramadan bazaars involving a total of 2,720 plots in 48 locations in Johor Baru.

"Out of the 2,720, 2,011 were approved for Ramadan bazaars," he said.

On the matter of illegal traders at these bazaars, he said it was a usual occurrence and will be dealt with.

"It is not that we do not want to encourage traders but we want them to register themselves with MBJB so that we can place them at a proper site or in an available location.

> "Traders can only trade in the allocated place and will be fined if they fail to clean up after business hours.
>
> Datuk Amran A. Rahman

He said some traders had also alleged that they were being charged three times more than the actual rent for a stall but when asked to give proof for action to be taken, they were unable to do so.

Amran said organisers must not take advantage of the situation to make higher profits.

The rental for Ramadan bazaar stalls are determined by the organiser, and usually cost about RM200 to RM550 depending on the location and facilities provided.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	005-2019/003
Tarikh	:	08.05.2019 (Rabu)
Jenis Akhbar	:	Berita Harian
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	MBJB sedia 48 tapak lokasi bazar Ramadan

MBJB sedia 48 tapak lokasi bazar Ramadan

Johor Bahru: Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) menyediakan 48 tapak lokasi bazar Ramadan di kawasan membabitkan keseluruhan 2,720 petak.

Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Amran A Rahman, berkata pihaknya akan menjalankan pemantauan secara berterusan bagi memastikan bazar dibuat mengikut peraturan ditetapkan.

Nafi sewa bazar meningkat

Katanya, bagaimanapun, pihaknya menolak dakwaan yang menyatakan sewa bazar Ramadan di bandar raya ini meningkat berkali ganda.

"Sebelum ini, kedengaran beberapa isu seperti sewa naik berkali ganda, namun selepas disiasat perkara itu tidak benar kerana kadar sewaan dianggarkan antara RM200 hingga RM550 sebulan.

"MBJB juga memberi lesen menganjurkan bazar Ramadan di beberapa tempat kepada persatuan baharu dengan bersyarat iaitu perlu memberi peniaga lama berniaga di bazar terbabit," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat MBJB di Dewan Inai Merah MBJB di sini, semalam.

No. Daftar : 005-2019/004

Tarikh : 08.05.2019 (Rabu)

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Jenis Artikel : Info PBT

Tajuk Artikel : MBJB atasi cukai tertunggak

MBJB atasi cukai tertunggak

Tubuh pasukan khas bergerak dari rumah ke rumah di kawasan pentadbiran mereka

FIRDAUS YON

JOHOR BAHRU

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) akan mengambil tindakan komprehensif bagi mengatasi masalah tunggakan cukai harta di kawasan pentadbirannya.

Datuk Bandar MBJB, Datuk Amran A Rahman berkata, pihaknya telah melantik 100 orang anggota MBJB bagi membantu tugasan Unit Tunggakan Cukai Harta bermula Oktober ini.

"Pasukan ini akan bergerak dari rumah ke rumah untuk memberi penerangan dan pendedahan kepada masyarakat tentang tanggungjawab mereka untuk menjelaskan cukai harta selain menyampaikan peringatan susulan melalui telefon," katanya pada Mesyuarat Penuh MBJB Bilangan 4 Tahun 2019 di sini semalam.

Amran berkata, beliau berharap pembayar cukai dapat memberi kerjasama dan berunding secara terus dengan anggota dilantik agar urusan pembayaran tunggakan dapat diselesaikan dengan lancar.

Sehingga Mac lalu, MBJB merekodkan jumlah kutipan tunggakan cukai harta adalah RM13 juta iaitu 10.8 peratus dari keseluruhan tunggakan.

Dalam pada itu, Amran berkata, bermula 1 November nanti semua pembaharuan lesen bagi tahun 2020 hanya akan diluluskan sekiranya pemohon tidak mempunyai tunggakan cukai harta.

Amran A Rahman (tengah) bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh MBJB Bilang 4 Tahun 2019 di Johor Bahru semalam.

"Bagi pemilik harta yang mempunyai tunggakan dan tidak boleh membuat bayaran penuh secara terus, MBJB beri ruang untuk berunding bagi menjelaskan tunggakan.

"Untuk urusan ini, pemilik harta boleh terus ke Unit Tunggakan Cukai Harta MBJB di bangunan JOTIC dan berjumpa serta berunding dengan pegawai bertugas," katanya.

Dalam perkembangan lain, Amran berkata, MBJB telah meluluskan penganjuran bazar Ramadan dan Aidilfitri melibatkan 2,720 petak di 48 buah lokasi sekitar bandar raya ini.

"Penganjuran bazar Ramadan dan Aidilfitri di dalam kawasan MBJB ini melibatkan sebanyak 40 penganjur. Segala keputusan berkaitan penganjurannya dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Pelesenan.

"MBJB juga bersetuju untuk memberi ruang dan peluang yang adil kepada semua pihak yang berminat untuk menganjurkan bazar Ramadan dan Aidilfitri pada tahun ini, termasuk penganjur baharu," katanya.

info

MBJB merekodkan jumlah kutipan tunggakan cukai harta adalah RM13 juta iaitu 10.8 peratus dari keseluruhan tunggakan

No. Daftar : 005-2019/005

Tarikh : 08.05.2019 (Rabu)

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Jenis Artikel : Info PBT

Tajuk Artikel : MBJB nafi sewa bazar Ramadan naik

MBJB nafi sewa bazar Ramadan naik

Oleh MOHD. KHAIRUL MOHD. ALI
pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 7 MEI

MAJLIS Bandaraya Johor Bahru (MBJB) menafikan kadar sewaan di semua 48 bazar Ramadan di bawah pentadbirannya dinaikkan berlipat kali ganda. Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Amran A. Rahman berkata, siasatan sudah dilakukan dan ternyata tuduhan tersebut tidak benar sama sekali.

"Sebelum ini ada kedengaran sewa naik berkali ganda, perkara itu tidak benar dan kadar sewaan masih lagi antara RM200 dan RM550 sebulan.

"Selain itu, kita juga meluluskan lesen menganjurkan bazar Ramadan di beberapa tempat kepada persatuan baharu untuk memberi peluang kepada mereka, namun bersyarat iaitu perlu memberi peniaga lama turut berniaga di bazar terbabit," ujarnya.

AMRAN A. RAHMAN

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh MBJB di Dewan Inai Merah, MBJB, di sini hari ini.

Pada masa sama, pihaknya sudah memastikan semua 48 bazar yang beroperasi dalam kawasan pentadbirannya sempena Ramadan tahun ini berjalan lancar.

Amran berkata, walaupun timbul sedikit isu di beberapa kawasan, beliau percaya masalah berkenaan sudah dapat ditangani dengan baik.

Sempena Ramadan kali ini, beliau memberitahu, sebanyak 48 lokasi bazar Ramadan dibuka sekitar daerah ini membabitkan keseluruhan 2,720 petak.

Tambah Amran, MBJB akan melakukan pemantauan secara berterusan bagi memastikan penganjuran bazar Ramadan dibuat mengikut peraturan ditetapkan.

"Pemantauan berterusan akan dibuat membabitkan aspek kebersihan, keselamatan serta halangan laluan.

"Sekiranya terdapat permohonan daripada penganjur untuk menambah petak bazar di lokasi bersesuaian, mereka boleh memohon untuk dipertimbangkan," katanya.

No. Daftar : 005-2019/006
Tarikh : 09.05.2019 (Khamis)
Jenis Akhbar : Berita Harian
Jenis Artikel : Info PBT
Tajuk Artikel : MBJB kesan RM109.37j cukai tertunggak

MBJB kesan RM109.37j cukai tertunggak

Johor Bahru: Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) mengesan sejumlah RM109.37 juta cukai harta dalam kawasan pentadbirannya masih tertunggak sepanjang tahun lalu.

Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Amran A Rahman, berkata nilai itu membabitkan 69,000 pegangan daripada jumlah keseluruhan 311,000 pegangan MBJB.

Katanya, tunggakan cukai harta MBJB turut meningkat apabila kawasan pihaknya diperluaskan dari 220 kilometer persegi kepada 373.18 kilometer persegi.

"Ia menyebabkan pertambahan pegangan sebanyak 75,000 dari kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah.

"Daripada keseluruhan tunggakan ini, pegangan terbanyak yang mempunyai tunggakan adalah kategori perumahan iaitu 32,000 pegangan tetapi jumlah terbesar tunggakan membabitkan kategori perdagangan iaitu RM66 juta dengan 16,000 pegangan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat MBJB di sini, semalam.

Amran A Rahman

Tindakan komprehensif

Beliau mengakui kadar tunggakan cukai harta di kawasan MBJB adalah tinggi dan tindakan komprehensif perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini.

Menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am Bilangan 3/2019, katanya, jawatankuasa bersetuju melaksanakan syarat baharu dalam pembaharuan lesen perniagaan dan iklan di kawasan pentadbiran MBJB mulai 1 November ini.

"Mengikut rekod pegangan lesen sehingga kini, jumlah pegangan lesen aktif bagi 2018 sehingga April lalu yang terbabit dalam syarat baharu bagi mengemukakan resit terkini cukai adalah 26,723 pegangan.

"Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai kuasa bagi pengeluaran lesen terhadap sebarang perniagaan, trend dan perindustrian adalah dinyatakan dalam Seksyen 107 Akta Kerajaan Tempatan 171," katanya.

Amran berkata, pembayar cukai diharap memberi kerjasama seterusnya berunding terus dengan anggota dilantik supaya urusan pembayaran tunggakan cukai harta atau cukai harta semasa dapat diselesaikan dengan lancar.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	005-2019/007
Tarikh	:	09.05.2019 (Khamis)
Jenis Akhbar	:	Utusan Malaysia
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	100 anggota MBJB bantu jelas cukai harta

100 anggota MBJB bantu jelas cukai harta

JOHOR BAHRU 8 Mei - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) akan melantik 100 anggotanya bagi membantu tugasan Unit Tunggakan Cukai Harta bermula Oktober tahun ini.

Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Amran A. Rahman berkata, pasukan itu akan bergerak dari rumah ke rumah untuk memberi penerangan kepada masyarakat tentang tanggungjawab menjelaskan cukai harta.

"Penubuhan unit itu kerana kadar tunggakan harta di kawasan MBJB boleh dianggap tinggi, ekoran itu tindakan komprehensif perlu dilaksanakan.

AMRAN A. RAHMAN

"Sehingga 2019, keseluruhan tunggakan cukai harta MBJB berjumlah RM109.37 juta membabitkan 69,000 buah pegangan daripada keseluruhan 311,000 pegangan," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh MBJB di Dewan Inai Merah, MBJB, di sini semalam.

Sehubungan itu, pihaknya berharap pembayar cukai dapat memberi kerjasama untuk melunaskan cukai harta mereka.

"MBJB yakin dengan kaedah ini, ia akan membantu mendidik dan mengingatkan pemilik harta untuk membayar cukai pada masa ditetapkan," tambahnya.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	**005-2019/008**
Tarikh	:	**12.05.2019 (Ahad)**
Jenis Akhbar	:	**Sinar Harian**
Jenis Artikel	:	**Info PBT**
Tajuk Artikel	:	**Kesal peniaga gagal patuhi arahan**

Kesal peniaga gagal patuhi arahan

PONTIAN - Tiada sebarang kebenaran dikeluarkan Majlis Daerah Pontian (MDP) kepada peniaga bazar Ramadan di pekarangan Dewan Orang Ramai Ayer Baloi yang bertindak untuk berniaga di bahu jalan pekan itu kelmarin.

Ahli Majlis Daerah yang juga Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perlesenan, Zulkifly Tasrep berkata, tindakan peniaga yang tidak mematuhi arahan dengan keluar dari tapak dibenarkan amat dikesali.

"Saya difahamkan ada individu yang mendakwa diri mereka sebagai wakil penjaja bertemu dengan Yang Dipertua MDP dan pegawai daerah sebelum ini.

"Kata putus selepas mesyuarat jawatankuasa tindakan daerah 9 Mei lalu masih sama, peniaga diarahkan beroperasi di kawasan perkarangan Dewan Orang Ramai Ayer Baloi sebagaimana keputusan dibuat jawatankuasa perlesenan sebelum Ramadan," katanya.

Bagaimanapun, ditanya mengenai sebarang tindakan undang-undang yang akan dikenakan kepada peniaga, Zulkifly memaklumkan, perkara tersebut belum dibincangkan.

"Kita tahu mereka keluar dari tapak bermula kelmarin. Setakat ini kita hanya pantau saja," katanya di sini, semalam.

Zukkifly menunjukkan pekarangan Dewan Orang Ramai Ayer Baloi yang sepatutnya menjadi lokasi peniaga bazar menjalankan operasi mereka.

Dalam pada itu, beliau berkata, situasi sama turut berlaku Jalan Parit Mesjid di mana peniaga tidak dibenarkan berniaga di bahu jalan tersebut.

"Dianggarkan kurang 10 peniaga masih berniaga di bahu Jalan Parit Mesjid sejak awal Ramadan meskipun kebenaran telah diberikan kepada mereka untuk masuk ke dalam tapak bazar Ramadan di Taman Cahaya.

"Sudah tiga kali notis dikeluarkan kepada peniaga-peniaga terbabit untuk segera berpindah," katanya.

Katanya, beliau berharap peniaga dapat mematuhi arahan dikeluarkan dan sentiasa menjaga kebersihan.

Tindakan peniaga yang beroperasi kembali di tapak asal tular di media sosial.

Sila layari sinarharian.com.my

No. Daftar	:	005-2019/009
Tarikh	:	13.05.2019 (Isnin)
Jenis Akhbar	:	The Star
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	New licensing condition as way to collect unpaid taxes

New licensing condition as way to collect unpaid taxes

JOHOR BARU: Johor Baru City Council (MBJB) will introduce a new regulation for renewal of business licences for 2020, said its mayor Datuk Amran A. Rahman

He said the licence would only be approved if there was no outstanding property tax arrears with the council.

He said this new condition was part of MBJB's plan to collect unpaid taxes totalling RM120mil as of last year.

"When business owners come to renew their licences, they will have to show proof that they do not have any outstanding payments," he said.

Amran said this was decided on at the council's Financial committee meeting, where they had agreed to implement the new term in areas under MBJB beginning from Nov 1 this year.

He said MBJB would allow business owners who could not make full payment to do so in installments.

Amran said the move had been long practised by city councils such as Iskandar Puteri, Pengerang, Tangkak, Kluang and Batu Pahat.

Amran (seated) says new condition enables MBJB to collect unpaid taxes totalling RM120mil as of last year.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	005-2019/010
Tarikh	:	13.05.2019 (Isnin)
Jenis Akhbar	:	Utusan Malaysia
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	3,455 iklan pinjaman wang tidak berlesen diturunkan

AMRAN A. RAHMAN

3,455 iklan pinjaman wang tidak berlesen diturunkan

JOHOR BAHRU 12 Mei – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) sudah menurunkan sejumlah 3,455 iklan pinjaman wang tidak berlesen di sekitar kawasan bandar raya ini sepanjang Mac lalu.

Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Amran A. Rahman berkata, angka tersebut merupakan peningkatan jumlah iklan yang diturunkan berbanding Februari iaitu 1,387 iklan.

"Selain itu Jabatan Penguatkuasaan MBJB turut menurunkan 318 helai iklan bunting, 143 iklan sepanduk, 12 iklan billboard dan 520 iklan dalam pelbagai bentuk lain sepanjang bulan lalu.

"Iklan-iklan ini diturunkan atas pelbagai kesalahan seperti tidak mempunyai lesen iklan, tidak mempunyai permit kebenaran menggantung serta meletakkan iklan di jalan-jalan protokol atau di tempat tidak dibenarkan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh MBJB di Dewan Inai Merah MBJB di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Amran berkata, pihaknya mengambil 106 tindakan atas pelbagai kesalahan menerusi Unit Anti-Litter MBJB sepanjang Mac lalu.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	**005-2019/011**
Tarikh	:	**14.05.2019 (Selasa)**
Jenis Akhbar	:	**Harian Metro**
Jenis Artikel	:	**Info MBIP**
Tajuk Artikel	:	**Meniaga biar jujur**

Meniaga biar jujur

MBIP beri amaran jangan jual makanan basi, kitar semula

Mohd Sabran Md Sani
sab@hmetro.com.my

Johor Bahru

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) memberi amaran kepada peniaga terutama di bazar Ramadan supaya tidak menjual makanan rosak atau kitar semula bagi mengelak pelanggan mengalami keracunan makanan.

Datuk Bandar, Datuk Adib Azhari Daud berkata, amaran susulan tular pengguna Facebook yang berkongsi pengalaman membeli 'chicken chop' basi, keras dan berbau dalam Khamis lalu.

Katanya, berikutan itu, empat Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran MBIP menjalankan pemeriksaan mengejut di bazar Ramadan Jalan Kemuliaan 2, Taman Universiti, Skudai, 4 petang semalam.

"Namun hasil pemeriksaan kami dapati kebersihan semua gerai dan pengendali makanan berada pada tahap yang agak baik dan memuaskan.

"Sebanyak 183 gerai diperiksa dan empat daripadanya menjual 'chicken chop' di bazar Ramadan Taman Universiti, Skudai di sini, namun semuanya didapati dalam keadaan baik, makanan tidak basi atau rosak," katanya.

Adib Azhari berkata, peniaga perlu mematuhi Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Akta Makanan 1983 dan Peruntukan-Peruntukan Makanan 1985, Undang-Undang Kecil Penjaja (MPJBT) 1982 dan Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MPJBT) 1987.

Berdasarkan surat arahan Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), bertarikh 7 Mei 2019, pihak majlis katanya, diarahkan melaksanakan 'Kempen Kebersihan Bazar Ramadan Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2019'.

"Pihak Pentadbiran Majlis diarahkan melaksanakan kempen anjuran KPKT seperti tidak menggunakan beg plastik dan straw, larangan penggunaan bekas styrofoam dan program kitar semula sisa pepejal.

"Dalam melaksanakan kempen ini, aspek yang perlu dipantau adalah kebersihan dan amalan keselamatan makanan oleh pengendali makanan, pembuangan sampah teratur dan pemantauan kerja pembersihan tapak selepas tamat jualan harian," katanya.

> "Perlu patuh akta berkait penyediaan makanan"
> Adib Azhari Daud

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	005-2019/012
Tarikh	:	14.05.2019 (Selasa)
Jenis Akhbar	:	Harian Metro
Jenis Artikel	:	Info MBIP
Tajuk Artikel	:	500 masak 100 periuk bubur lambuk

PELBAGAI lapisan masyarakat tidak melepaskan peluang memasak bubur lambuk sempena Cabaran Bubur Lambuk Mega Belia Johor 2019, semalam.

500 masak 100 periuk bubur lambuk

Johor Bahru: Seramai 500 sukarelawan berbilang bangsa di sekitar bandar raya ini berpeluang merasai pengalaman memasak bubur lambuk sempena Cabaran Bubur Lambuk Mega Belia Johor 2019 anjuran Angsana Johor Bahru Mall di sini.

Ketua Pegawai Operasi UDA Angsana Sdn Bhd, Imran Salleh berkata, 100 periuk disediakan untuk memasak bubur lambuk bermula 8 pagi.

Menurutnya, antara sukarelawan yang menjayakan program itu adalah kakitangan Angsana Johor Bahru Mall, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), KPJ Healthcare Bhd (KPJ) dan wakil masyarakat setempat.

Menurutnya, apa yang menarik program berkenaan menerima penyertaan daripada sukarelawan berbilang bangsa yang tidak melepaskan peluang mempelajari cara memasak bubur lambuk.

Katanya, tempoh memasak bubur lambuk adalah tiga hingga empat jam dan pengalaman menyeronokkan hingga tidak timbul rasa penat.

"Alhamdullilah, akhirnya 30,000 bungkusan bubur diagihkan kepada pengunjung selain badan kebajikan di seluruh bandar raya ini mulai 4 petang," katanya.

No. Daftar : 005-2019/013
Tarikh : 14.05.2019 (Selasa)
Jenis Akhbar : The Star
Jenis Artikel : Info PBT
Tajuk Artikel : Checks and audits on old strata title buildings

Checks and audits on old strata title buildings

Move to ensure premises more than 30-years-old safe for occupation

By NELSON BENJAMIN
nelson@thestar.com.my

JOHOR BARU: A task force will be set up to carry out checks and audits on thousands of strata title buildings which are more than 30 years old.

Johor Housing, Communication and Multimedia Committee chairman Dzulkefly Ahmad said a task force set up from among the local councils will work with other relevant agencies on this.

The agencies include the Fire and Rescue Department, Public Works Department, Tenaga Nasional Bhd and Ranhill SAJ.

He said the task force would ensure these buildings were safe for occupation, apart from identifying restoration works needed to extend the life of such buildings.

> "The move to audit or inspect such old residential strata buildings is a pre-emptive measure for the safety of occupants."
>
> **Dzulkefly Ahmad**

"The move to audit or inspect such old residential strata buildings is a pre-emptive measure for the safety of occupants," he said, adding that such action would help avert disasters such as the 1993 Highland Tower incident.

On public housing owned by the government, there are 10 affordable housing projects statewide comprising 9,095 units.

"Most of this strata units are between one to 17 years old," he said, adding that the government also had seven other projects whereby the units were rented out.

Dzulkefly said at least 1,431 of these units were over 30 years old.

Besides public housing, Johor has several privately-owned flats that are more than 30 years old.

Among them include Rumah Pangsa Taman Cempaka, Rumah Pangsa Taman Melor, Rumah Pangsa Taman Kenanga, Rumah Pangsa Larkin, Rumah Pangsa Bertam 16 and 1 and Rumah Pangsa Jalan Nipah 11.

Also on the list are Pangsa Jalan Enau 16 and 20, Pangsapuri Daya View, Rumah Pangsa Jalan Sagu 34 and 35 and Rumah Pangsa Taman Melati 5.

All these homes are under Johor Baru City Council.

Others include Rumah Pangsa Taman Ungku Tun Aminah and Rumah Pangsa Taman Perling (Jalan Camar), under Iskandar Puteri City Council.

No. Daftar	:	005-2019/014
Tarikh	:	15.05.2019 (Rabu)
Jenis Akhbar	:	The Star
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	Traffic chaos in the city

Cars parking on side of road along Jalan Abiad 1 in Johor Baru.

Traffic chaos in the city

Authorities urged to resolve worsening congestion due to illegal and haphazard parking in Johor Baru

By ESTHER TAN
newsdesk@thestar.com.my

JOHOR BARU: Traffic congestion in the city is becoming worse, especially with many people parking illegally and haphazardly on major roads.

Among the affected roads are Jalan Wong Ah Fook, Jalan Trus, Jalan Dhoby and Jalan Tan Hiok Nee here.

Many shop owners are placing traffic cones, chairs, garbage bins and other kinds of barriers in front of their shops to stop people from parking around the city areas.

Former Johor Traffic chief Datuk A. Sahapathy said the situation was worse during weekends when more vehicles enter the city centre.

"I have received many complaints on traffic snarls. Taking a walk around, I noticed that people were not following the rules and parking indiscriminately.

"Our roads are already narrow and with all this illegal parking, the situation is really bad," he said, urging all relevant agencies including Johor Baru City Council (MBJB), police and Road Transport Department to go down to the ground to address the problem.

He said roadworks currently underway to widen pedestrian walkways were also adding to the problem by making the roads even narrower.

Sahapathy said the cones and garbage bins used to deter parking in front of shops were an embarrassment and marred the city's image.

"We need stricter enforcement measures. Even the constant towing of illegally parked vehicles is not deterring people from parking all over the place, including on pedestrian walkways," he said.

Vehicles parked along the road shoulder in Taman Kim Teng. Many park in residential areas and head off to work in Singapore.

Cones and barricades are placed outside shops along Jalan Terus, Johor Baru, to deter motorists from parking there.

He said the narrow roads would also be a big problem during a fire or accident because rescue vehicles such as an ambulance or fire engine would not be able to get in.

Sahapathy, who is also Johor Retired Senior Police Officers Association chairman, hoped more enforcement personnel would be deployed to not just around the city centre but also housing estates where the same problem was occurring.

"Many are parking their vehicles here and heading to Singapore for work daily," he said.

Meanwhile, Johor Indian Business Association (JIBA) president P. Sivakumar said the traffic congestion in the city was particularly bad during weekends when the bazaars were held.

"Many cars can be seen parked haphazardly everywhere. Their acts are inconsiderate and affects other road users.

"I have received many complaints from shop owners about how the traffic situation had affected their businesses.

"They said the public are consequently discouraged from visiting the area," said Sivakumar, adding that MBJB should provide new and bigger parking facilities to accommodate the huge and growing number of visitors.

He said the illegally parked cars along roads and pavements must also be towed away immediately for smooth flow of traffic in the area.

"Also, MBJB should control the parking rates in the open car parks and parking lots in buildings near the city.

"This way the public would be willing to park properly and pay the fee.

"Ultimately, this will help improve traffic flow and more people will visit the shops here, boosting business," said Sivakumar.

As at press time, the authorities had yet to respond to the situation.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	**005-2019/015**
Tarikh	:	**16.05.2019 (Khamis)**
Jenis Akhbar	:	**Utusan Malaysia**
Jenis Artikel	:	**Info PBT**
Tajuk Artikel	:	**Sediakan ruang solat di bazar Ramadan**

Sediakan ruang solat di bazar Ramadan

JOHOR BAHRU 15 Mei - Setiap bazar Ramadan utama di negeri ini perlu menyediakan ruang solat untuk lelaki dan wanita sepertimana yang diperkenan oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar pada bulan lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Elwal Agama Islam, Pertanian dan Pembangunan negeri, Tosrin Jarvanthi berkata, langkah tersebut bagi memudahkan peniaga serta pengunjung beragama Islam untuk menunaikan solat Asar dan Maghrib di bazar.

Katanya, surat arahan membabitkan perkara tersebut sudah dikeluarkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) sebelum kedatangan bulan Ramadan lagi.

"PBT bertanggungjawab mengarahkan penganjur bazar menyediakan dua khemah sebagai ruang solat wanita dan lelaki. Penganjur juga perlu menyediakan muazin bagi mengalunkan azan Asar dan Magrib.

"Arahan telah dikeluarkan kepada PBT dan perlu disediakan secepat mungkin. Jika pengurusan bazar Ramadan itu diberi hak kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), maka NGO itu perlu menyediakan ruang solat," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis perasmian dan penyerahan Bangunan Darul Furqan, di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Tosrin menegaskan kerajaan negeri tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak jawatankuasa surau dan masjid di negeri ini yang tidak mendaftar penceramah jemputan terlebih dahulu.

"Ini bukanlah perkara baru tapi nampaknya garis panduan itu kurang dipraktikkan. Tujuan pendaftaran ini dilakukan bertujuan memastikan tidak ada penceramah yang tidak bertauliah memberi ceramah.

"Saya sendiri akan turun padang bagi memastikan perkara ini dipatuhi jawatankuasa masjid dan surau. Mana-mana masjid atau surau yang tidak memenuhi ketetapan ini perlu memberi surat tunjuk sebab kepada Majlis Agama Islam Johor," katanya.

Beliau berkata, pihak surau dan masjid boleh merujuk senarai nama penceramah yang disenaraihitamkan pada kadi daerah masing-masing.

TOSRIN JARVANTHI (tiga dari kiri) menyerahkan replika kunci sebagai simbolik perasmian dan bangunan Darul Furqan di Taman Damansara Alif, Johor Bahru, baru-baru ini.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	005-2019/016
Tarikh	:	20.05.2019 (Isnin)
Jenis Akhbar	:	Sinar Harian
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	'Kami tak bertanggungjawab'

'Kami tak bertanggungjawab'

MDP kesal peniaga ingkar arahan berniaga di kawasan tak dibenarkan

NOR AZURA MD AMEN

PONTIAN

Majlis Daerah Pontian (MDP) mengulangi pendirian tidak pernah mengeluarkan kebenaran peniaga dari tiga bazar Ramadan di daerah ini berniaga di kawasan tidak dibenarkan.

Ahli majlis daerah yang juga Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pelesenan, Zulkifly Tasrep berkata, tiga bazar berkenaan terletak di Pekan Nanas, Ayer Baloi dan Taman Cahaya.

Katanya, MDP kekal dengan keputusan mengekalkan tapak bazar Ramadan sebagaimana yang ditetapkan sebelum ini.

Namun, pihaknya kesal apabila mendapati peniaga mula keluar daripada tapak bazar Ramadan untuk berniaga di bahu jalan yang tidak dibenarkan.

"MDP tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang isu yang timbul selepas peniaga bertindak keluar dari bazar Ramadan.

"Keingkaran peniaga untuk terus berniaga di tapak bazar yang disediakan amat dikesali.

"Ini kerana lokasi tapak bazar Ramadan baharu yang diperkenalkan pada kali ini dipilih selepas perbincangan diadakan bersama MPKK, persatuan penjaja dan polis yang menitikberatkan aspek keselamatan," katanya.

Ditanya mengenai tindakan yang diambil, beliau enggan mengulas perkara tersebut, sebaliknya meminta peniaga memikirkan semasaknya tindakan mereka itu.

"Peniaga perlu miliki kesedaran dan tanggungjawab terhadap keselamatan orang lain terutama pengguna jalan raya apabila mereka bertindak di bahu jalan.

"Walaupun peniaga mendapatkan bantuan anggota Rela, namun masih timbul isu kesesakan lalulintas di kawasan bazar tersebut utama di Pekan Ayer Baloi," katanya.

Sejak seminggu lalu, peniaga dari bazar Ramadan di pekarangan Dewan Orang Ramai Ayer Baloi mula berniaga di bahu jalan di pekan berkenaan.

Kesesakan lalu-lintas bermula jam 5 petang di Pekan Ayer Baloi yang menjadi laluan kepada pengguna untuk ke Benut dan Pontian.

Sementara itu, seorang penduduk yang mahu dikenali sebagai Mohd Azam berharap tindakan dapat diambil bagi menyuraikan kesesakan yang berlaku di Pekan Ayer Baloi.

Katanya, dia juga bimbang dengan keselamatan murid-murid dari dua buah sekolah yang berdekatan untuk melintas jalan raya ketika berlaku kesesakan lalu-lintas.

Zulkifly menunjukkan tapak bazar di pekarangan Dewan Orang Ramai Ayer Baloi yang lengang selepas peniaga bertindak keluar dan berniaga di bahu jalan.

info

- Sejak seminggu lalu, peniaga dari bazar Ramadan di pekarangan Dewan Orang Ramai Ayer Baloi mula berniaga di bahu jalan di pekan berkenaan
- Tiga bazar ditetapkan di Pontian adalah di Pekan Nanas, Ayer Baloi dan Taman Cahaya

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	**005-2019/017**
Tarikh	:	**21.05.2019 (Selasa)**
Jenis Akhbar	:	**Berita Harian**
Jenis Artikel	:	**Aduan MBIP**
Tajuk Artikel	:	**Program basmi satu tikus RM1 burukkan keadaan**

Program basmi satu tikus RM1 burukkan keadaan

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Johor baru-baru ini melancarkan satu program bertujuan mengurangkan populasi tikus di kawasannya. Program dinamakan membasmi burung gagak dan tikus antara lain memberi bayaran kepada orang awam sebanyak RM1 bagi setiap tikus ditangkap dan dihantar ke MBIP.

Namun, program ini bukan saja tidak akan berjaya mengurangkan bilangan tikus dalam kawasan MBIP, tetapi mungkin memburukkan lagi keadaan.

Mengambil contoh pengalaman New Delhi yang pernah dibelenggu masalah ular tedung yang banyak, majlis bandar raya kota berkenaan turut melancarkan program yang memberi insentif tunai kepada orang awam bertujuan menangkap ular tedung.

Bagaimanapun ada penduduk mula memelihara tedung untuk dijual kepada majlis bandar raya bagi mendapatkan wang tunai. Apabila pihak pentadbiran mengetahui perkara itu, program dihentikan.

Tipu pihak berkuasa

Penghuni yang kecewa melepaskan ular tedung dipelihara, menjadikan masalah lebih teruk berbanding sebelumnya.

Perkara ini diterangkan dalam banyak buku ekonomi dan pentadbiran awam, dikenali sebagai *the cobra effect*.

Bandar Raya Hanoi juga pernah melancarkan program serupa, iaitu membayar orang ramai untuk menangkap tikus. Segelintir penduduk tidak bertanggungjawab mula membiak tikus untuk dijual kepada kerajaan tempatan, menjadikan masalah tikus lebih serius berbanding sebelumnya.

Tikus mengambil masa singkat untuk membiak dengan tempoh hamil haiwan itu hanya 20 hari, manakala seekor tikus betina boleh melahirkan 14 anak. Seekor tikus betina boleh hamil sebanyak 10 kali setahun, dengan purata hayat seekor tikus adalah dua tahun.

Bayangkan jika ada pihak tidak bertanggungjawab membiak tikus untuk mendapatkan duit boleh menyebabkan infestasi tikus menjadi tidak terkawal dalam masa singkat.

Iskandar Puteri adalah pusat pentadbiran kerajaan negeri Johor yang turut menempatkan Kota Ilmu EduCity, di mana terletak beberapa cawangan universiti terkemuka United Kingdom dan sekolah persendirian berprestij luar negara, selain tarikan pelancongan seperti Legoland dan Puteri Harbour.

Bayangkan bagaimana imej bandar raya ini akan terjejas sekiranya masalah infestasi tikus tidak terkawal. Sejarah moden pentadbiran kerajaan tempatan sudah menunjukkan bagaimana program membayar insentif untuk menangkap haiwan perosak tidak akan berjaya membendung masalah.

Wong Yao Hing,
Penduduk Iskandar Puteri

Pelbagai program basmi tikus *dilaksanakan pihak berkuasa.*

No. Daftar : 005-2019/018
Tarikh : 26.05.2019 (Ahad)
Jenis Akhbar : Berita Harian
Jenis Artikel : Info PBT
Tajuk Artikel : Kenaikan gred Datuk Bandar MBJB isu lama

Kenaikan gred Datuk Bandar MBJB isu lama

Johor Bahru: Isu kenaikan gred membabitkan perjawatan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan beberapa pegawai dalaman sudah lama dibangkitkan dan permohonan dibuat kira-kira empat tahun lalu.

Sebelum ini, viral gambar tangkap layar aplikasi WhatsApp menunjukkan perbualan mendakwa terdapat kenaikan gred yang keterlaluan iaitu membabitkan perjawatan Datuk Bandar (naik ke Jusa B), Setiausaha MBJB (Jusa C) dan semua pengarah (Gred 54).

Amran A Rahman

Datuk Bandar MBJB, Datuk Amran A Rahman, berkata beliau mengesahkan maklumat berkenaan sahih, bagaimanapun menegaskan permohonan kenaikan gred itu sudah lama dibuat kira-kira tiga hingga empat tahun lalu.

"Isu ini sudah lama, permohonan dibuat ketika saya belum menjawat jawatan Datuk Bandar lagi, sudah bertahun-tahun iaitu kira-kira tiga ke empat tahun lalu.

"Perkara ini juga melalui proses yang panjang dan Setiausaha Kerajaan Johor juga membawa perkara ini ke peringkat Kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan kelulusan pusat," katanya ketika dihubungi *BH* di sini, semalam.

Bukan perkara suka-suka

Amran berkata, permohonan kenaikan gred itu melalui proses yang agak panjang dan bukan satu perkara atau tindakan yang dilakukan secara suka-suka.

"Proses ini membabitkan tempoh panjang dan bukan suka-suka hendak naik, kebetulan pula keputusan (kenaikan) tiba pada waktu saya (menjawat jawatan Datuk Bandar)," katanya.

Katanya, keputusan kenaikan gred berkenaan diterima Setiausaha Kerajaan Johor daripada Kerajaan Persekutuan pada Khamis lalu.

Mengikut portal *sistemguruonline.my*, kakitangan awam dengan Gred Jusa B menerima gaji pokok antara RM7,788 hingga RM15,900 serta menerima pelbagai elaun bernilai lebih RM7,500. Gred Jusa C pula dengan gaji pokok antara RM7,189 hingga RM14,587 serta elaun keseluruhan hampir RM6,000.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	**005-2019/019**
Tarikh	:	**27.05.2019 (Isnin)**
Jenis Akhbar	:	**Harian Metro**
Jenis Artikel	:	**Info MBIP**
Tajuk Artikel	:	**Salah guna kuasa!**

" Semua enam atau tujuh jawatankuasa di MBIP perlu disemak semula pindaan atau sebarang keputusan yang dibuat oleh ketua jabatan berkaitan bagi meneliti dan menilai perkara atau tindakan mana yang tidak dipatuhi
Datuk Adib Azhari Daud

HARIAN METRO

SEBAHAGIAN daripada Ahli Majlis yang membantah salah guna kuasa Datuk Bandar di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Johor Bahru.

Salah guna kuasa!

24 Ahli Majlis MBIP bantah keputusan Datuk Bandar

Nurul Amanina Suhaini
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Seramai 24 ahli majlis Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) membuat bantahan berhubung dakwaan salah guna kuasa datuk bandarnya yang dipercayai mengubah keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan.

Ahli Majlis Zon 9 Gelang Patah Mohd Azam Mektar berkata, tindakan Datuk Bandar MBIP, Datuk Adib Azhari Daud didakwa menjejaskan imej pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

"Datuk Adib Azhari Daud dikatakan mengubah keputusan isu berkaitan kebenaran membuka bazar Ramadan di lokasi yang tidak mendapat kelulusan, selain kelulusan jumlah lesen berniaga sepanjang bulan puasa.

"Pada awalnya, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Bil 4/2019 iaitu pada 18 April lalu yang dipengerusikan sendiri datuk bandarnya sudah bersetuju untuk memberikan kelulusan terhadap 100 petak berniaga bazar Ramadan di kawasan parkir Jalan Nusaria 4/7 Taman Nusantara, Gelang Patah," katanya dalam sidang media selepas menghadiri Mesyuarat Penuh MBIP di sini, semalam.

Beliau berkata, kawasan berkenaan diberi sebagai ganti kepada cadangan penganjuran bazar Ramadan di Jalan J/1 Taman Nusantara yang diminta peniaga pada awalnya.

"Namun ia mendapat bantahan peniaga kedai berhampiran yang dikatakan mengganggu waktu perniagaan sedia ada.

"Disebabkan itu, persetujuan bagi membenarkan bazar Ramadan dianjurkan di Jalan Nusaria 4/7 Taman Nusantara, kemudian disahkan pada 28 April lalu," katanya.

Katanya, bagaimanapun Jabatan Pelesenan MBIP menolak permohonan awal 47 peniaga di bawah persatuan penganjur untuk mendapatkan lesen bagi membuka bazar Ramadan di kawasan yang dipersetujui kerana pihak datuk bandar ingin mengubah hak penganjuran bazar Ramadan berkenaan.

"Akhirnya, Ahli Majlis zon berkenaan mengambil inisiatif melakukan perbincangan dengan pihak datuk bandar yang kemudian bersetuju memberikan 30 lesen berniaga di Jalan Nusaria 4/7 Taman Nusantara walaupun keputusan awal dalam mesyuarat terdahulu bersetuju memberikan 100 lesen berniaga," katanya.

> **"Datuk Adib Azhari Daud dikatakan mengubah keputusan isu berkaitan kebenaran membuka bazar Ramadan di lokasi yang tidak mendapat kelulusan, selain kelulusan jumlah lesen berniaga sepanjang bulan puasa"**
> *Mohd Azam Mektar*

Mohd Azam berkata, penganjur bazar Ramadan bagaimanapun hanya dimaklumkan secara rasmi mengenai kelulusan berniaga pada 5 Mei lalu iaitu sehari sebelum umat Islam berpuasa, selain tindakan melewatkan pemakluman keputusan mengakibatkan kesukaran peniaga membuat persediaan.

Katanya, Ahli Majlis MBIP mendapat aduan daripada orang ramai pada dua atau tiga hari pada awal Ramadan berhubung terdapat bazar yang dibuka tanpa permit dan lesen di Jalan J/1 Taman Nusantara iaitu di kawasan yang pada mulanya ditolak kerana mendapat bantahan peniaga kedai di kawasan berkenaan.

"Tindakan datuk bandar yang berdolak-dalik dan mengubah keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dianggap salah guna kuasa dan sabotaj terhadap ahli majlis serta kerajaan negeri pimpinan Pakatan Harapan secara keseluruhannya," katanya.

Sementara itu, Adib Azhari berkata, pihaknya memberi tempoh seminggu kepada semua Whip Parti untuk tampil memberi penjelasan berhubung isu bantahan berkenaan.

Katanya, dalam tempoh itu juga, semua enam atau tujuh jawatankuasa di MBIP perlu disemak semula pindaan atau sebarang keputusan yang dibuat oleh ketua jabatan berkaitan bagi meneliti dan menilai perkara atau tindakan mana yang tidak dipatuhi.

Beliau berkata, hasil perbincangan kemudian akan dibawa kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar negeri, Tan Chen Choon serta kerajaan negeri.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	005-2019/020
Tarikh	:	27.05.2019 (Isnin)
Jenis Akhbar	:	Harian Metro
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	MBJB agih 4,000 dodol

Johor Bahru: Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), mengagihkan kira-kira 4,000 bungkus dodol menerusi konsep pandu lalu sempena Aidilfitri yang diadakan di Dataran Bandaraya Johor Bahru, di sini, semalam.

Datuk Bandar MBJB Datuk Amran A Rahman berkata, program yang memasuki tahun kedua berturut-turut itu bertujuan menghidupkan amalan tradisi bergotong-royong mengacau dodol dalam kalangan kakitangannya.

Katanya, seramai 90 kakitangan MBJB terbabit aktiviti penyediaan dodol bermula kelmarin, sebelum ia diagihkan kepada orang ramai mulai semalam.

"Program edaran dodol ini adalah satu daripada program kebajikan kepada warga bandar raya yang dilaksanakan MBJB sepanjang tahun.

AMRAN mengagihkan dodol kepada seorang pemandu.

MBJB agih 4,000 dodol

"Juadah tradisi dodol disediakan adalah sebagai hadiah kepada orang ramai sempena Aidilfitri yang bakal tiba.

"Setiap kakitangan terbabit dalam aktiviti penyediaan peralatan dan persiapan pembuatan dodol, selain proses mengacau dodol yang mengambil masa kira-kira lapan jam sebelum proses pembungkusan dodol untuk diagihkan," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	**005-2019/021**
Tarikh	:	**27.05.2019 (Isnin)**
Jenis Akhbar	:	**Harian Metro**
Jenis Artikel	:	**Info PBT**
Tajuk Artikel	:	**MPKu cuba atasi banjir kilat**

Kulai

MPKu cuba atasi banjir kilat

Sistem saliran dan pembetungan uzur, saiz tidak sesuai menampung jumlah air hujan dan saliran sedia ada dikenal pasti punca banjir kilat di Jalan Persekutuan berhadapan Pasaraya TJ Mart Saleng, di sini, baru-baru ini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai (MPKu), Mohammed Shakib Ali berkata, ia dikenal pasti berdasarkan siasatan dan pemantauan dilakukan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Katanya, semua pihak perlu memainkan peranan penting berhubung banjir kilat yang berlaku baru-baru ini terutama di Jalan Persekutuan.

"Kerjasama itu bagi memastikan kejadian ini tidak berulang, selain perlu duduk semeja bagi mencari kaedah penyelesaian dengan segera.

"Ia membabitkan MPKu, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), penyedia utiliti, Perbadanan Aset Keretapi serta pasukan Projek Landasan Keretapi Berkembar," katanya dalam Mesyuarat Penuh MPKu, di sini, semalam.

Hujan lebat pada Selasa lalu mengakibatkan banjir kilat termasuk air di parit di Jalan Saleng 14, Saleng, di sini, melimpah.

Ia dipercayai berpunca akibat projek menaik taraf landasan berkembar di kawasan berkenaan.

Beliau berkata, terdapat skop kerja menaik taraf pembetung untuk Projek Landasan Keretapi Berkembar itu.

"Sekiranya perlu, diharapkan supaya ia boleh disegerakan bagi memastikan perkara ini dapat diselesaikan dan tidak berulang lagi demi kesejahteraan, keselamatan dan kepentingan bersama," katanya.

Mengulas mengenai isu jalan di Taman Cantik di Jalan Kulai-Kota Tinggi, Mohammed Shakib berkata, ia sudah dilaksanakan JKR Daerah dengan peruntukan khas daripada MPKu.

"Penyelenggaraan ini mendapat maklum balas baik daripada pengguna trafik di laluan berkenaan dan penduduk sekitar.

"Ia sekali gus memberikan impak persepsi yang baik kepada pentadbiran perbandaran," katanya.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	005-2019/022
Tarikh	:	27.05.2019 (Isnin)
Jenis Akhbar	:	Harian Metro
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	Bajet 2019 RM18.5 juta

Kulai

Bajet 2019 RM18.5 juta

Prestasi Fizikal Bajet Pembangunan 2019 Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) hingga bulan ini mencatatkan 45 peratus membabitkan kos berjumlah RM18.5 juta.

Yang Dipertua MPKu, Mohammed Shakib Ali berkata, ia termasuk projek pembangunan dan penyelenggaraan yang dalam tindakan pelaksanaan serta projek sambungan tahun lalu.

"Bagi Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalanraya Malaysia (MARRIS) 2019, pihak MPKu dalam proses akhir bagi pelantikan Kerja-Kerja Undi membabitkan 15 projek yang bermula esok (hari ini).

"Bermula pada 7 Mei lalu, sebanyak 14 Projek Kerja-Kerja Sebutharga dalam tindakan pelaksanaan oleh kontraktor yang dilantik membabitkan kerja penyelenggaraan jalan, longkang dan landskap," katanya dalam Mesyuarat Penuh MPKu di sini, semalam.

Beliau berkata, hingga bulan ini Prestasi Fizikal Bajet Pembangunan 2019 Bahagian Landskap memperuntukkan RM97,417 yang dilaksanakan bermula hari ini.

Katanya, ada tiga projek masih dalam tindakan pelaksanaan bermula 7 Mei lalu dan dijangka siap pada Jun ini di bawah peruntukan MARRIS dan MPKu membabitkan kos RM359,765.

Menurutnya, sebanyak sembilan cadangan projek disenaraikan bagi kerja penyelenggaraan pokok (mencantas dan menebang) menggunakan peruntukan MARRIS dan MPKu berjumlah RM1.76 juta.

No. Daftar	:	005-2019/023
Tarikh	:	28.05.2019 (Selasa)
Jenis Akhbar	:	The Star
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	Leave it to the Home Ministry, Johor told

Leave it to the Home Ministry, Johor told

Group: No need for committee to deal with influx of foreign workers, act against immigrants instead

By ZAZALI MUSA
zazagaborstar@gmail.com

JOHOR BARU: The state government should not waste its time and taxpayers' money to control the influx of foreign workers as this is under the purview of the Home Ministry.

Johor South SME adviser Teh Kee Sin said instead of forming a committee to control the problem, the state government should resolve other issues related to the presence of illegal immigrants.

He said for instance, although foreigners were not allowed to operate small businesses, many were doing so in downtown Johor Baru and secondary towns in the state.

"The local councils must take concerted efforts to stop these activities which have been going on for many years, depriving locals of the chance to do so," said Teh.

He said controlling the influx of legal foreign workers, if not done properly, might affect the country's economy as certain jobs or industries which locals shunned, were filled by them.

Although foreigners are not allowed to operate small businesses, many are doing so in many parts of the country. — Filepic

He said this in response to a Bernama report quoting state Education, Human Resources, Science and Technology Committee chairman Aminolhuda Hassan saying Johor plans to set up a special committee to control the influx of foreign workers.

Aminolhuda was quoted saying that at present there was no agency controlling the entry of foreigners, especially the illegals.

Meanwhile, Johor Indian Business Association (Jiba) president P. Sivakumar urged the authorities to charge the owners of business premises found renting their units to foreigners.

He said many stalls at the wet and dry markets, which were under the purview of the local councils, were taken up by foreigners under the pretext of working there.

Sivakumar said some foreigners were marrying local women simply to run the businesses.

"The Immigration Department should also raid premises operated by foreigners," he said.

Sivakumar said another problem was that some local land owners had leased their land, including Malay reserve land, to foreigners who used them to plant fruit trees or as vegetable farms and reaping huge profits.

Johor Consumers Movement Association chairman Md Salleh Sadijo said stern warning and heavy penalties must be imposed on wrongdoers.

"Learn from our neighbour Singapore in managing foreign workers there, including blacklisting those who violated the law and barring them from entering the republic," he said.

No. Daftar : 005-2019/024
Tarikh : 29.05.2019 (Rabu)
Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Jenis Artikel : Info PBT
Tajuk Artikel : Kursus Pengurusan Media Khas PBT

Kursus Pengurusan Media Khas PBT

Oleh MARIATUL QATIAH ZAKARIA
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 MEI

KAKITANGAN Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara berpeluang menyertai Kursus Pengurusan Media Khas PBT 2019 yang akan diadakan pada 8 hingga 10 Julai ini di Hotel Tamu, Kuala Lumpur, anjuran Sibermedia Sdn. Bhd. (Sibermedia) dengan harga *Early Bird* jika mendaftar awal sebelum 15 Jun ini.

Pengarah Eksekutif Sibermedia, Ainol Amriz Ismail berkata, kakitangan PBT yang berminat hanya perlu membayar yuran kursus RM1,699 termasuk bayaran cukai jualan dan perkhidmatan (SST) berbanding RM1,799 selepas tempoh berkenaan.

Menurut beliau, kursus intensif selama tiga hari itu akan memberikan pendedahan kepada kakitangan PBT untuk mempelajari selok-belok pengurusan media, selain diberikan ilmu berkaitan rakaman video dan suntingan menggunakan telefon pintar serta praktikal fotografi acara.

"Kursus ini julung kali diadakan dalam skala besar khusus untuk PBT dan mereka boleh mula mendaftar untuk menyertai kursus berkenaan kerana tempat adalah terhad iaitu 150 peserta sahaja.

"Sebelum ini Sibermedia telah beberapa kali mengadakan kursus ini kepada pelbagai agensi serta institusi pengajian tinggi dan ia menjadi kursus paling popular dan sentiasa dinantikan peserta," katanya di sini hari ini.

Katanya lagi, antara modul yang akan dipelajari peserta adalah kaedah pengurusan media yang baik, penulisan siaran media terkini, kaedah sidang media serta kit media digital.

"Lebih menarik dalam kursus ini, peserta akan diajar mengenai rakaman video dari pelbagai sudut dan menyuntingnya dengan hanya menggunakan telefon pintar, selain diajar *voice over* dan *standupper* di hadapan kamera selain melakukan *live* dalam media sosial dengan profesional," ujar Ainol Amriz lagi.

Tambah Ainol Amriz, kursus kali ini ada kelainan, di mana kesemua 150 peserta yang hadir selama tiga hari ini layak secara automatik menyertai Pertandingan Video Pendek Pelancongan PBT 2019 yang menyediakan hadiah-hadiah menarik.

Sibermedia dengan kerjasama akhbar *Utusan Malaysia* juga akan melancarkan ruangan baharu #PBTmesramedia di mana kesemua 150 peserta akan dijemput menjadi penulis jemputan di akhbar itu bagi mempromosikan aktiviti PBT masing-masing, selain paparan berita di dalam portal *Utusan Online*.

Sebarang pertanyaan mengenai kursus dan pendaftaran bolehlah menghubungi 011-57678055 (Mariatul) atau 03-92324622 dan 03-92322680 (Izhaan/Emma).

AINOL AMRIZ ISMAIL (kanan) membantu para peserta kursus Pengurusan Media dengan latihan bagi membolehkan mereka memahami dengan baik apa yang diajar di Kuala Lumpur, baru-baru ini. - UTUSAN/SYEFRI MONIZ MOHD. NIZAR

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	005-2019/025
Tarikh	:	29.05.2019 (Rabu)
Jenis Akhbar	:	The Star
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	Glaring lack of promotions for Visit Johor Year 2020 campaign

Glaring lack of promotions for Visit Johor Year 2020 campaign

By ZAZALI MUSA
zazagaborstar@gmail.com

Stickers on illegal money lenders are hard to miss. - Filepic

Johor Causeway is a main entry point for visitors and congestion issues must be resolved. - Filepic

IT seems that not many activities or programmes are organised by the state government and relevant agencies as part of preparations to welcome Visit Johor Year 2020 campaign.

With about just six months to go, publicity and campaign materials to welcome domestic and foreign visitors are scarce at entry points and strategic places like tourism attractions in the state.

In fact, more publicity materials on the opening of a new department store, new property projects and Hari Raya Aidil Fitri sales can be seen around the state.

Also, stickers on illegal money lenders which have been around for so many years and which keep resurfacing despite cleaning efforts by the local councils are hard to miss.

Johor is one of the main entry points for visitors entering the country, with the Johor Causeway and Second Link Crossing in Tanjung Kupang, Gelang Patah connecting the state with Singapore and tens of thousands of people are using both land links daily.

This includes locals working in the republic as well as Singaporeans and foreign tourists from Singapore coming into the country and there is not much on the campaign for them to see.

Speaking of the land links, more efforts are needed from the Federal and state levels to ease congestion at both places.

Non-frequent users might feel restless having to spend more than an hour or more stuck in the traffic jam just to enter and exit the country using the 1.06km Johor Causeway.

Southern REFLECTIONS

Johor is also connected with nearby Indonesian islands in Riau Archipelago via the Stulang Laut ferry terminal in Johor Baru, Kukup ferry terminal in Pontian and Tanjung Belungkor ferry terminal in Kota Tinggi.

Senai International Airport is an important gateway for the southern region with flights plying Johor Baru -Kuala Lumpur, Subang, Kuching, Kota Kinabalu, Penang, Miri, Sibu, Ipoh, Tawau, Langkawi and Alor Setar routes.

The airport's international routes are Bangkok, Surabaya, Jakarta, Ho Chi Minh, Guangzhou, Incheon in South Korea and Haikou in China.

Next year is also Visit Malaysia Year and the year 2020 is important to Johor as the state will also be hosting the 20th Sukan Malaysia (Sukma) that year.

People might wonder why the logos of the Visit Johor Year 2020 and Sukma Johor are yet to be launched until now although it was reported they would be launched end of March or early April.

We are not really sure whether the secretariats to handle the two major events have been set up by the state government.

The secretariats are important to deal with the mainstream print and electronic media as well as bloggers to create awareness and publicity campaigns for the two major events.

Media organisations in Johor have yet to receive information on related activities and programmes lined up by Tourism Johor for the whole of next year in conjunction with Visit Johor Year 2020.

The state government must be willing to invest money for the publicity stunts and promotions for Visit Johor Year 2020 as tourism is one of the country's top earners.

In 2017, Malaysia received 25.9 million international tourists with a total expenditure of RM82.2bil in tourism receipts, while for domestic tourism 20.54 million visitors spent RM83.1bil.

For the record, in 2017 Johor was ranked third for the most visited state by foreign and domestic tourists.

By now, shopping complexes, hotels and travel agencies should have started their campaigns by offering attractive packages, room deals, Johor food promotions and sales to attract visitors.

Cleanliness is another issue that the authorities should look into not only during Visit Johor Year 2020 but beyond as we can still see rubbish dumped along the roadsides by irresponsible people.

Efforts by SWCorp in cleaning the dump sites are neverending as rubbish will be dumped again the very next day after piles of rubbish have been cleared by workers.

The taxpayers money is spent by local councils annually to upgrade infrastructure and facilities at public places.

But Malaysians still have a third world mentality and their lackadaisical attitude should be blamed for failing to upkeep and maintain these facilities.

Going forward, Johor must think out of the box and the state government should review and come up with new ideas to further develop and strengthen the tourism sector in the state.

We could learn from Sabah and Sarawak when it comes to attract international tourists as the two states are the most well known the world over for their unique culture, multi-ethnicity and natural wonders.

Johor should cooperate with tourism players from Singapore and Indonesia to jointly promote Singapore, Johor and Riau Islands not only to regional tourists but also visitors from other countries.

No. Daftar : 005-2019/026
Tarikh : 30.05.2019 (Khamis)
Jenis Akhbar : Sinar Harian
Jenis Artikel : Info PBT
Tajuk Artikel : Bina simpang punca kesesakan

Bina simpang punca kesesakan

Projek tersebut dijalankan bagi menggantikan lampu isyarat sedia ada di lokasi itu

RAZIATUL HANUM A RAJAK@ ATAN

JOHOR BAHRU

Kesesakan yang berlaku di Taman Mount Austin dikenal pasti berpunca daripada kerja-kerja pembinaan persimpangan bulatan di Jalan Mutiara Emas Utama dan Jalan Mutiara Emas Putih, di sini.

Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Amran A Rahman berkata, kesesakan juga disebabkan kelewatan pihak kontraktor menyiapkan projek tersebut dalam tempoh ditetapkan susulan kerja pengukuran semula jajaran cadangan pelebaran jalan serta pemetaan utiliti dan pengalihan aset utiliti.

Sekitar kawasan pembinaan yang menyebabkan kesesakan apabila pengguna berhati-hati serta memperlahankan kenderaan ketika melalui kawasan tersebut.

"MBJB (Majlis Bandaraya Johor Bahru) terima beberapa aduan tentang kesesakan ini.

"Pada waktu puncak kesesakan berlaku sebab kenderaan perlahan dan berhati-hati semasa melalui kawasan pembinaan selain disebabkan penutupan sebahagian jalan," katanya ketika berucap pada Mesyuarat Penuh Bilangan 5 Tahun 2019 di sini, semalam.

Menurutnya, projek tersebut dijalankan bagi menggantikan lampu isyarat sedia ada di lokasi itu.

"Ia bagi mengurangkan masa menunggu di persimpangan dan memudahkan kenderaan berat membuat pusingan.

"Projek ini dapat kurangkan fasa sistem lampu isyarat daripada empat kepada dua fasa.

"Kenderaan dari Jalan Kota tidak perlu berhenti di persimpangan Jalan Mutiara Emas Utama dan Jalan Harmonium 24. Kenderaan dari Jalan Kota Tinggi dan Jalan Austin Perdana 3 pula boleh membuat pusingan di bulatan persimpangan Jalan Emas Putih untuk ke Hospital Sultan Ismail," katanya.

Katanya, pihak MBJB telah mengesyorkan kepada kontraktor untuk menyegerakan kerja-kerja menurap jalan dan mengemaskini lalu lintas selain mengarahkan kerja-kerja menampal jalan berlubang di kawasan pembinaan dijalankan serta merta.

Beliau memberitahu, projek tersebut dijangka siap sepenuhnya sebelum 30 Jun 2019.

Sila layari sinarharian.com.my

No. Daftar	:	005-2019/027
Tarikh	:	30.05.2019 (Khamis)
Jenis Akhbar	:	Harian Metro
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	Sengaja 'undang' wabak

Sengaja 'undang' wabak

56 peniaga bazar Ramadan dikesan tidak pamer buku suntikan tifoid

Mohd Sabran Md Sani
sab@hmetro.com.my

Johor Bahru

Bahayakan nyawa pelanggan dengan sengaja tidak mengambil suntikan tifoid bagi mengelak jangkitan demam kepialu.

Itu antara tindakan tidak wajar 56 peniaga bazar Ramadan yang dikenakan kompaun RM14,000 oleh Jabatan Kesihatan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) kerana tidak mempamerkan buku suntikan tifoid ketika pemeriksaan dijalankan.

Datuk Bandar MBJB, Datuk Amran A Rahman berkata, tindakan itu diambil mengikut Undang-Undang Kecil 20 (1) (ii), Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan MBJB 2010.

Katanya, pemeriksaan mendapati ada kesalahan berulang dilakukan peniaga.

AMRAN berucap dalam Majlis Mesyuarat Penuh MBJB di Johor Bahru, semalam.

"Ada peniaga tidak mengambil suntikan tifoid seperti dalam peraturan.

"Hasil pemeriksaan mendapati hanya pemilik lesen perniagaan atau penjaja mengambil suntikan tifoid, tetapi pekerja gerai tidak mengambil suntikan terbabit," katanya pada Majlis Mesyuarat Penuh MBJB di Johor Bahru, semalam.

Beliau berkata, segelintir peniaga yang culas terutamanya pekerja atau pembantu mereka memberi alasan mengenai tambahan kos dan sebagainya.

"Suntikan ini penting bagi mengelak wabak keracunan makanan," katanya.

Katanya, pemeriksaan juga mendapati ada peniaga dan pembantu tidak menjaga kekemasan imej dengan memakai topi dan apron seperti diuar-uarkan.

"Ada segelintir peniaga masih menggunakan bahan polistrin sebagai pembungkus makanan.

"Peniaga memberi alasan tidak maklum mengenai larangan penggunaan polistrin serta tidak jelas berkenaan larangan penggunaannya, selain banyak dijual di kedai pemborong," katanya.

Sementara itu katanya, ada 2,720 petak atau lot Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri di 48 lokasi di sekitar Johor Bahru.

"Daripada jumlah ini, 115 petak petak bazar Aidilfitri sahaja, 594 petak petak bazar juadah berbuka puasa dan bazar Aidilfitri manakala selebihnya petak bazar juadah berbuka puasa.

"Sepanjang Ramadan ini, Jabatan Kesihatan MBJB membuat pemeriksaan kebersihan terhadap 20 bazar membabitkan keseluruhan 1,373 peniaga," katanya.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	005-2019/028
Tarikh	:	30.05.2019 (Khamis)
Jenis Akhbar	:	Kosmo
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	Peniaga bazar Ramadan tidak ambil suntikan typhoid

Peniaga bazar Ramadan tidak ambil suntikan *typhoid*

JOHOR BAHRU – Pemeriksaan kebersihan di bazar Ramadan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) sehingga kini mendapati masih ada peniaga yang tidak mengambil suntikan *typhoid* yang merupakan suntikan penting bagi mengelakkan terjadinya wabak keracunan makanan kepada pengguna.

Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Amran A. Rahman berkata, hasil pemeriksaan pihaknya mendapati hanya pemilik lesen perniagaan atau penjaja yang mengambil suntikan *typhoid* tetapi pekerja tidak mengambil suntikan itu.

"Ada segelintir peniaga yang culas atau sengaja tidak mahu mengambil suntikan *typhoid* terutamanya pekerja atau pembantu mereka atas alasan tambahan kos dan sebagainya," katanya kepada pemberita pada Mesyuarat Penuh MBJB Bilangan 5 Tahun 2019 di Dewan Inai Merah, MBJB di sini semalam.

Sementara itu, Amran berkata, pemeriksaan juga mendapati ada peniaga dan pembantu mereka tidak menjaga kekemasan imej dengan memakai topi dan apron seperti yang pernah dimaklumkan sebelum ini.

Selain itu, ada segelintir peniaga yang masih menggunakan polistirena sebagai pembungkus makanan.

"Para peniaga memberi alasan bahawa mereka tidak maklum tentang larangan penggunaan polistirena serta tidak jelas berkenaan larangan itu telah dikuatkuasakan memandangkan masih terdapat penjualan polistirena di kedai-kedai pemborong," katanya.

Sepanjang tempoh bulan Ramadan, MBJB telah membuat pemeriksaan kebersihan terhadap 20 bazar yang mempunyai jumlah keseluruhan peniaga seramai 1,373 orang.

"Hasil pemeriksaan itu, 56 kompaun dikeluarkan MBJB yang dianggarkan berjumlah RM14,000 atas kesalahan Undang-undang Kecil 20 (1) (ii) iaitu Undang-undang Kecil Pengendalian Makanan MBJB 2010 pengendali makanan tidak mendapatkan atau mempamerkan buku *typhoid* semasa pemeriksaan dijalankan," katanya. – Bernama

MASIH ada peniaga bazar Ramadan yang dikesan tidak mengambil suntikan penting bagi mengelak kejadian wabak keracunan makanan kepada pengguna. – Gambar hiasan

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	005-2019/029
Tarikh	:	30.05.2019 (Khamis)
Jenis Akhbar	:	Harian Metro
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	Agih sumbangan

Agih sumbangan

MB bersama agensi kerajaan bantu gelandangan sekitar Johor Bahru

DR Sahruddin (tengah) menyampaikan bantuan kepada gelandangan.

Nurul Amanina Suhaini
cnews@nstp.commy

Johor Bahru

Bukan hanya di Kuala Lumpur, malah terdapat ratusan gelandangan yang berpeleseran dan menagih bantuan di sekitar bandar raya ini.

Menyedari isu berkenaan, kerajaan negeri menerusi program Bersama Komuniti Terpinggir 'Masih Ada Sinar' berusaha mendekati dan menghulurkan sumbangan kepada golongan itu semalam.

Komitmen itu dapat dilihat apabila 70 gelandangan menerima pengagihan bantuan dan makanan di sekitar laluan di tepi jambatan Bazar Karat, Jalan Wong Ah Fook, lorong Jalan Meldrum dan sekitar perhentian bas Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), di sini.

Menteri Besar Johor, Datuk Dr Sahruddin Jalil berkata, program anjuran Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Johor itu mendapat kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Yayasan Kebajikan Negara, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Katanya, inisiatif seumpama itu memberi gambaran masih ada ramai gelandangan yang memerlukan perhatian masyarakat dalam menyalurkan bantuan mahupun sokongan.

"Insya-Allah sedaya kami cuba memberikan sokongan terhadap golongan ini di samping pembabitan agensi atau persendirian yang menghulurkan sebarang bentuk bantuan secara langsung kepada mereka.

"Langkah turun padang berjumpa sendiri dengan 70 gelandangan di sekitar Johor Bahru menunjukkan bahawa kerajaan negeri prihatin terhadap mereka," katanya selepas mengadakan lawatan pada program berkenaan, malam kelmarin.

Katanya, menjadi harapannya untuk membantu dan memastikan kehidupan golongan terbabit menjadi lebih baik.

"Pada masa sama, beberapa program bersama kerajaan negeri yang mengkhususkan pelbagai kategori masyarakat dapat membantu rakyat di negeri ini," katanya.

Dr Sahruddin berkata, pihaknya sedia maklum mengenai pusat intervensi Anjung Singgah Yayasan Kebajikan Negara Johor Bahru di Jalan Segget yang menjadi sebuah pusat perlindungan sementara kepada gelandangan akan tamat kontrak awal tahun depan.

"Kerajaan negeri akan melihat dahulu apa yang boleh dibantu, selain akan mengadakan perbincangan dengan Exco berkaitan seperti Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan negeri, Mohd Khuzzan Abu Bakar dan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Johor, Liow Cai Tung.

"Insya-Allah, dengan adanya juga pihak berkuasa tempatan (PBT) Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), kami akan cuba semampu kami untuk membantu," katanya.

Sementara itu, Pegawai Zon Selatan Yayasan Kebajikan Negara, Nurul Zahrawani Mohamad Nordan berkata, bangunan sewa empat tingkat itu masih beroperasi menempatkan gelandangan warga tempatan, selain tidak mempunyai penyakit.

Katanya, pusat itu mempunyai 64 katil bagi penghuni lelaki manakala 18 bagi wanita.

"Sesetengah masa mempunyai penghuni sehingga 30 orang pada satu masa, paling lama mereka berada di sini adalah bagi tempoh satu bulan dan paling singkat kira-kira dua minggu," katanya.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	005-2019/030
Tarikh	:	30.05.2019 (Khamis)
Jenis Akhbar	:	Harian Metro
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	Terima 6,156 aduan orang awam

Johor Bahru

Terima 6,156 aduan orang awam

Sebanyak 6,156 aduan membabitkan jalan raya, kerosakan lampu, parkir, penjaja dan kacau ganggu haiwan diterima Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) sehingga 26 Mei lalu.

Datuk Bandar MBJB, Datuk Amran A Rahman berkata, daripada jumlah itu, 70 peratus aduan diterima pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit sudah diselesaikan.

"Daripada 70 peratus aduan diselesaikan itu, hampir 82 peratus diselesaikan dalam tempoh kurang 15 hari manakala 18 peratus diselesaikan lebih 15 hari.

"Penyelesaian aduan melebihi tempoh 15 hari disebabkan proses yang perlu dilaksanakan sebelum langkah penyelesaian jangka panjang diambil membabitkan kos mahupun projek besar," katanya pada Majlis Mesyuarat Penuh MBJB di Johor Bahru, semalam.

Katanya, statistik menunjukkan bahawa Jabatan Kejuruteraan MBJB menerima aduan tertinggi dengan 41.34 peratus diikuti Jabatan Penguatkuasaan (19.3 peratus) dan Jabatan Landskap (15.85 peratus).

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	005-2019/031
Tarikh	:	30.05.2019 (Khamis)
Jenis Akhbar	:	Harian Metro
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	Senarai hitam kontraktor degil

Senarai hitam kontraktor degil

Johor Bahru: Tindakan menyenaraihitamkan mana-mana kontraktor akan dilakukan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) sekiranya didapati menunjukkan prestasi kerja buruk ditetapkan.

Datuk Bandar MBJB, Datuk Amran A Rahman berkata, amaran itu disuarakan berikutan pihaknya tidak mahu kontraktor melaksanakan kerja secara sambil lewa dengan tidak mematuhi piawaian dan kehendak ditetapkan.

"Saya tidak mahu ada kontraktor mengabaikan aspek kualiti, keselamatan dan pematuhan tempoh kontrak ditetapkan.

"MBJB tidak akan teragak-agak untuk menyenarai hitam kontraktor yang menunjukkan prestasi kerja yang tidak mematuhi piawaian ditetapkan," katanya pada Majlis Mesyuarat Penuh MBJB, semalam.

Menurutnya, beliau turut mengucapkan tahniah kepada kontraktor yang berjaya melaksanakan 129 projek di bawah MBJB, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Pejabat Daerah Johor Bahru.

"Seramai 222 kontraktor hadir di Dewan Muafakat Johor Taman Adda bagi mengambil peluang mencabut undi projek di bawah semua pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

"Sebanyak 40 projek Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) di bawah MBJB diberikan pada sesi Program Undi Berkelompok MARRIS Daerah Johor Bahru yang berlangsung pada Isnin lalu," katanya.

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

No. Daftar	:	005-2019/032
Tarikh	:	30.05.2019 (Khamis)
Jenis Akhbar	:	Harian Metro
Jenis Artikel	:	Info PBT
Tajuk Artikel	:	Anjur rumah terbuka 23 Jun

Johor Bahru

Anjur rumah terbuka 23 Jun

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) akan menganjurkan Majlis Rumah Terbuka MBJB bersama lebih 30 pelbagai jabatan dan agensi kerajaan di Stadium Tertutup Educity, Iskandar Puteri pada 23 Jun ini.

Datuk Bandar MBJB, Datuk Amran A Rahman berkata, penganjuran program sempena Aidilfitri itu memperlihatkan kelainan dari aspek penganjuran.

"Ada sedikit kelainan bagi sambutan Aidilfitri pada tahun ini di mana MBJB bersama pelbagai jabatan dan agensi kerajaan serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang lain akan menganjurkan majlis sambutan Aidilfitri peringkat Johor Bahru secara bersama.

"Dengan pembabitan pelbagai agensi kerajaan dan juga GLC di dalam penganjuran rumah terbuka ini, saya pasti ia bakal berlangsung dengan penuh kemeriahan dan kemesraan," katanya.